

PERSEPSI IBU BAPA TERHADAP *SEPARATION ANXIETY* KANAK-KANAK

Parents Perception of Children Separation Anxiety

Siti Najwa Samsul Bahari¹, Masayu Dzainudin^{2*}

^{1,2}Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

sitinajwa6548@yahoo.com¹, masayu@fpm.upsi.edu.my²

* *Corresponding Author*

Received: 27 Oktober 2020; Accepted: 08 Disember 2020; Published: 15 Disember 2020

ABSTRAK

Separation anxiety boleh berlaku apabila seorang individu berasa takut dan risau untuk berpisah dengan orang yang mereka percaya. Bagi kanak-kanak yang mempunyai masalah *separation anxiety*, ianya akan berlaku semasa hari pertama kemasukan di pusat pendidikan awal kanak-kanak yang memerlukan mereka berdikari dan berpisah dengan ibu bapa atau penjaga pada tempoh masa yang panjang. Objektif kajian ini adalah untuk; (i) mengenal pasti persediaan ibu bapa terhadap *separation anxiety* selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat; (ii) mengenal pasti pendekatan ibu bapa bagi mengatasi masalah *separation anxiety* kanak-kanak; dan (iii) memerihalkan kesan *separation anxiety* kanak-kanak. Kajian ini menggunakan metode kualitatif. Protokol dan soalan temu bual dibina bagi mendapatkan pandangan partisipan dan menjawab persoalan kajian. Lima orang partisipan dipilih secara persampelan bertujuan yang terdiri daripada ibu bapa kepada kanak-kanak yang mengalami masalah *separation anxiety*. Transkrip temu bual dianalisis menggunakan analisis tematik dan pengekodan. Dapatan kajian menunjukkan ibu bapa perlu peka dan cakna dengan masalah yang berlaku pada anak mereka, dan membuat persediaan dengan mengambil tahu dan mengukuhkan pengetahuan tentang *separation anxiety*.

Kata kunci: kesedaran ibu bapa, *separation anxiety*, kanak-kanak, Perintah Kawalan Pergerakan

ABSTRACT

Separation anxiety can occur when an individual feels scared and anxious to break up with someone they trust. Young children who have separation anxiety, most probably it will occur during the first day of admission to the early childhood education centre which requires them to be independent and separated from their parents or guardians for a long time. The objectives of this study are to; (i) identify parents' preparation of separation anxiety after the end of Movement Control Order (MCO); (ii) identify parents' approach to overcome children separation anxiety; and (iii) describe the effects of separation anxiety in children. This study uses qualitative methods. Protocols and interview questions were constructed to obtain participants' views and answer research questions. Five participants were selected by purposeful sampling consisting of parents to children with separation anxiety problems. Interview transcripts were analyzed using thematic analysis and coding. The findings of the study show that parents need to be sensitive and aware of the problems that children have and be prepared to finding knowledge about separation anxiety.

Keywords: parents' awareness, *separation anxiety*, young children, Movement Control Order

PENGENALAN

Separation anxiety merupakan satu keadaan di mana kanak-kanak akan berasa takut untuk berpisah dengan orang yang rapat dengan mereka terutamanya ibu bapa. Mustafa Yasin Irmak (2016), mentakrifkan *separation anxiety* sebagai perkembangan yang tidak sesuai, berlebihan, berterusan dan kerisauan yang tidak realistik apabila berpisah dengan orang yang mereka rapat seperti ibu bapa dan ahli keluarga. *Separation anxiety* ini boleh berlaku pada kanak-kanak awal tahun, terutamanya semasa kemasukan ke Taska atau Tadika apabila mereka berpisah atau berjauhan buat kali pertama dengan ibu bapa. Kanak-kanak pada peringkat ini mempunyai perasaan bimbang yang kuat dan rasa yang tidak selamat sekiranya mereka berpisah dengan orang yang rapat dengan diri mereka seperti ibu bapa.

Menurut Kossowsky *et al.* (2013) *separation anxiety* ini boleh mendatangkan kesan yang negatif kepada kanak-kanak seperti kewujudan panic disorder. Kanak-kanak yang biasa mengalami simptom ini hanya percaya bahawa ahli keluarga akan sentiasa berada di sisi mereka dan kecewa jika ditinggalkan walaupun untuk satu tempoh masa yang singkat. Situasi ini akan menyebabkan kanak-kanak mengelakkan diri mereka daripada sebarang bentuk perpisahan dan interaksi sosial bersama dengan orang yang tidak dikenali (Zakaria Stapa *et al.*, 2012). Simptom *separation anxiety* ini selalu muncul apabila kanak-kanak terpaksa berhadapan dengan situasi seperti pertukaran sekolah, buli, fobia dan permulaan persekolahan yang baru (Intan Puspitasari dan Dewi Eko Wati, 2018). Hal ini menyebabkan mereka berhadapan dengan masalah tingkah laku, tekanan dan kemurungan sehingga menyebabkan emosi kanak-kanak ini tidak stabil (Mohamad Albaree Abdul *et al.*, 2019). Selain itu, faktor yang menyebabkan *separation anxiety* berlaku adalah disebabkan oleh keturunan dan berkait rapat dengan biologi, persekitaran dan psikologi kanak-kanak (Akram Dousti *et al.*, 2018). Ini kerana ahli keluarga terutamanya ibu bapa yang terlalu melindungi kanak-kanak akan menyebabkan kanak-kanak takut dan tiada keyakinan untuk berdikari dan berjauhan daripada individu yang akrab (Fairuz Nordin, 2018).

Tambahan lagi apabila Perdana Menteri Malaysia pada 16 Mac 2020 mengumumkan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 atas sebab pandemik Covid-19. Namun PKP terus dilaksanakan sehingga 6 Disember 2020 secara berfasa dengan mengamalkan kehidupan baharu atau *new normal*. Kehidupan baharu ini memberi kesan kepada rutin persekolahan kanak-kanak ekoran daripada penutupan semua Taska dan Tadika, semua peringkat sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi yang menyebabkan kanak-kanak berada di rumah sepanjang masa dengan ibu bapa yang rutin bekerja mereka berubah dari bekerja di pejabat kini bekerja dari rumah.

Penyataan Masalah

Isu *separation anxiety* kurang diberi perhatian oleh masyarakat yang beranggapan bahawa *separation anxiety* adalah senario biasa yang terjadi kepada kanak-kanak (Pepito dan Montalbo, 2019). Kajian oleh Low Biam Hong (2017) juga mendapati bahawa isu *separation anxiety* kurang diberi penekanan oleh para pengkaji di Malaysia. Walhal, kanak-kanak kebiasaannya akan mengalami *separation anxiety* sehingga mereka berumur lebih kurang 5 tahun (Stewart dan Alison, 1973). Menurut Sakineh Mofrad *et al.* (2010), terdapat juga kanak-kanak yang mempunyai kesukaran untuk ditinggalkan dalam jangka masa pendek mahupun untuk jangka masa yang panjang. Hal ini demikian kerana mereka mempunyai rasa

takut atau kurang percaya terhadap orang lain selain ibu bapa atau penjaga yang rapat dengan mereka.

Jamiat Akadol (2018) dalam kajiannya menyatakan ibu bapa berpandangan bahawa jika salah seorang anak mereka tidak mempunyai masalah *separation anxiety*, maka anak yang lain juga tidak ada walaupun hakikatnya anak mereka mempunyai masalah *separation anxiety*. Oleh sebab itu, ibu bapa merupakan individu yang menjaga, membimbing dan membentuk anak-anak untuk menjadi seorang individu yang berjaya atau sebaliknya (Bartolome *et al.*, 2017). Ibu bapa juga adalah pendidik pertama dan utama kanak-kanak sebelum mereka berhadapan dengan guru - guru atau pembimbing taska (Fauziah Hanim Jalal *et al.*, 2014). Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji persediaan ibu bapa dalam menangani *separation anxiety* yang mungkin berlaku pada anak-anak mereka apabila situasi semasa kembali pulih dan kanak-kanak kembali mengikuti rutin persekolahan mereka selepas tempoh PKP tamat.

Objektif Kajian

- i) Mengenal pasti persediaan ibu bapa terhadap *separation anxiety* kanak-kanak selepas tempoh PKP tamat.
- ii) Mengenal pasti pendekatan ibu bapa bagi mengatasi masalah *separation anxiety* kanak-kanak.
- iii) Memerihalkan kesan *separation anxiety* terhadap kanak-kanak.

Kajian Literatur

Kebimbangan terlampau atau *separation anxiety* bermula sejak kanak-kanak masih kecil lagi. Menurut Phang Cheng Kar (2017), *separation anxiety* ini terjadi apabila kanak-kanak berasa takut untuk berpisah dengan ibu bapa atau penjaga. Hal ini biasanya terjadi kepada dalam kalangan bayi dan akan hilang pada awal zaman kanak-kanak. Fasa paling kritikal bagi seseorang kanak-kanak menghadapi *separation anxiety* adalah daripada umur 12 bulan hingga dua tahun, disebabkan kanak-kanak tidak dapat menyimpan imej ibu bapa dalam fikiran mereka (Nafisa Mustafa Mohamed Ahmed, 2013). Kanak-kanak yang mengalami *separation anxiety* kebanyakannya akan menunjukkan tingkahlaku yang berbeza dan simptom seperti sakit perut, sakit kepala, insomnia, muntah dan menangis secara keterlaluan (Saeed Ghanbari *et al.*, 2018). Kanak-kanak juga akan berasa resah gelisah dan khuatir jika ditinggalkan untuk tempoh masa yang lama dan sukar untuk mereka menerima perpisahan untuk tempoh masa yang lama daripada ibu bapa (Zuhainy Zulkifli, 2020). Selain itu, kanak-kanak juga akan mengalami ketakutan yang berlebihan semasa mereka berada di Taska atau Tadika dengan berasa takut, selalu bermimpi buruk dan akan mengamuk sekiranya dipaksa untuk pergi ke Taska atau Tadika (Natasha Dandavati dan Stella Tan, 2019).

Data daripada *Institute for Public Health* (2020) menunjukkan sebanyak 424,000 kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah mental, tekanan jiwa dan kemurungan. Kanak-kanak yang mengalami masalah ini kebanyakannya berlaku akibat daripada penolakan daripada ibu bapa dan ibu bapa yang terlampau melindungi kanak-kanak (Syahirah Abdul Shukor, 2016). Penolakan dan perlindungan yang terlampau oleh ibu bapa akan menyebabkan kanak-kanak mengalami kebimbangan dan masalah untuk bersosial dengan

orang lain (Lieb *et al.*, 2000). Montalbo dan Pepito (2019) juga menyatakan bahawa *separation anxiety* selalunya berkait dengan hubungan atau gaya asuhan ibu bapa. Pelindungan yang terlampau oleh ibu bapa terhadap kanak-kanak akan menyebabkan kanak-kanak ini sukar untuk berpisah atau berjauhan dengan mereka. Malahan, akan menyebabkan kanak-kanak kurang terdedah dengan persekitaran dan mengurangkan peluang mereka untuk berdepan dengan situasi sebenar.

Menurut Irwan Shah Zainal Abidin (2020), penularan wabak Covid-19 pada awal tahun 2020 telah memberikan kesan kepada rakyat Malaysia yang perlu mematuhi PKP. Sepanjang tempoh PKP rakyat tidak dibenarkan keluar tanpa tujuan dan alasan yang tidak munasabah bagi mengelakkan jangkitan wabak Covid-19 (Mohd Roji Kawi, 2020). Kanak-kanak antaranya adalah golongan yang berisiko yang perlu dilindungi dan perlu sentiasa berada dalam keadaan dan persekitaran selamat, iaitu di rumah sendiri bersama ibu bapa (Norulhuda Sarnon *et al.*, 2017). Sepanjang tempoh PKP ini rutin persekolahan kanak-kanak tertanggung atas penutupan semua Taska dan Tadika (Ahmad Suhael Adnan dan Ilah Hafiz Aziz, 2020). Hal ini menyebabkan kanak-kanak sentiasa berada di rumah bersama dengan ibu bapa menjalani kehidupan baharu. Kesannya kanak-kanak akan kerap risau dan bertanya kepada ibu bapa untuk mendapatkan kepastian, tidak mahu berjauhan dengan ibu bapa, kerap mengadu sakit fizikal seperti pening kepala atau sakit perut dan kerap mengamuk (Rahima Dahlan, 2020). Ibu bapa juga akan turut terkesan terutamanya ibu bapa yang mempunyai bilangan anak yang ramai dan tinggal di kediaman sempit dan sesak (Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid dan Narimah Samat, 2018). Menurut Mohamed Farid Noh (2020), hal ini akan bertambah teruk jika kediaman keluarga tidak mempunyai ruang untuk menenangkan diri sekaligus mendedahkan mereka kepada kemurungan. Perkara ini sudah pasti akan menguji sejauh mana persediaan ibu bapa bagi menghadapi *separation anxiety* kanak-kanak setelah lama mereka berada di rumah.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian kualitatif dipilih bagi memberi penekanan kepada penghasilan makna untuk memahami persepsi ibu bapa tentang *separation anxiety* kanak-kanak. Kajian kualitatif juga dipilih berdasarkan kepada pernyataan masalah dan objektif kajian dalam mengenalpasti persediaan dan pendekatan ibu bapa dalam menghadapi *separation anxiety* kanak-kanak serta kesannya kepada kanak-kanak.

Partisipan Kajian

Partisipan kajian dipilih secara persampelan bukan kebarangkalian iaitu partisipan kajian terdiri daripada ibu bapa yang anaknya mengalami *separation anxiety*. Pengkaji menggunakan platform media sosial *facebook* untuk merekrut partisipan kajian melalui kumpulan 'ibu-ibu seluruh Malaysia' dengan meminta kebenaran kepada admin kumpulan tersebut untuk merekrut partisipan kajian. Setelah mendapat kebenaran pengkaji memuatnaik status untuk mencari ibu bapa yang mempunyai anak yang mengalami *separation anxiety* dan secara sukarela ingin mengambil bahagian dalam temu bual kajian ini. Tiga orang daripada partisipan kajian memberi maklum balas dan secara sukarela menerima untuk di temu bual oleh pengkaji. Dua orang partisipan pula diperkenalkan secara sukarela oleh salah seorang partisipan kajian yang direkrut dari *facebook* yang juga mempunyai anak yang mengalami *separation anxiety* yang berumur 6 tahun dan ke bawah. Partisipan kajian juga, merupakan

ibu bapa yang bekerjaya dan terkesan akibat PKP yang memerlukan mereka bekerja dari rumah dan pada masa yang sama mendidik dan mengasuh anak di rumah.

Instrumen Kajian

Kaedah temu bual berstruktur digunakan bagi mendapatkan data yang bermakna dan mendapatkan maklumat dari partisipan kajian. Temu bual juga digunakan bagi memahami pandangan sebenar partisipan dalam mempersiapkan dan memilih pendekatan yang bersesuaian untuk menangani *separation anxiety* kanak-kanak. Soalan temu bual dibina berdasarkan daripada kajian literatur yang berkaitan dengan persediaan dan pendekatan ibu bapa dalam menangani *separation anxiety* kanak-kanak. Kesan *separation anxiety* kepada kanak-kanak juga di teliti dalam membina soalan temu bual bagi memastikan dapatan kajian menjawab objektif kajian. Soalan temu bual juga mendapat kesahan daripada seorang pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan seorang pakar yang mengkaji tentang perkembangan sosio-emosi kanak-kanak. Kedua pakar ini dipilih bagi mengesahkan isi kandungan soalan supaya ianya menepati objektif kajian.

Prosedur Pengumpulan Data

Surat kebenaran bagi menjalankan kajian di mohon daripada Fakulti Universiti dan diberi kepada partisipan untuk mendapatkan kebenaran daripada partisipan untuk di temu bual. Maklumat ringkas berkaitan kajian dilampirkan bersama dengan surat kebenaran kepada partisipan bagi menjelaskan tujuan, objektif dan protokol temu bual kajian ini. Setelah kebenaran diperolehi daripada partisipan, pengkaji membuat temujanji untuk melaksanakan temu bual secara atas talian menggunakan aplikasi *Google meet* mengikut waktu yang di persetujui bersama oleh pengkaji dan partisipan. Sesi temu bual direkodkan menggunakan aplikasi rakaman untuk menganalisis transkrip temu bual.

Kaedah Analisis Data

Transkrip temu bual sampel kajian di analisis dengan membentuk kategori, tema dan pengekodan data. Jadual tema dibina berdasarkan pernyataan partisipan kajian yang terkandung dalam transkrip temu bual. Setiap pernyataan partisipan kajian di teliti berulang kali dan menggunakan kod warna untuk membezakan tema dan menekankan pernyataan yang bermakna dan bertujuan. Pernyataan tema yang sama dikategorikan dan diberi pengekodan data untuk dibincangkan dalam dapatan kajian mengikut objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dilaporkan berdasarkan objektif kajian.

Persediaan Ibu Bapa terhadap *Separation Anxiety* Kanak-kanak

Beberapa orang partisipan (R1, R2, R3 dan R5) ada menyatakan bahawa perhubungan yang positif antara ibu bapa dan kanak-kanak amat penting bagi menghadapi kanak-kanak yang

mengalami masalah *separation anxiety*. Tindakan yang diambil oleh ibu bapa juga menjadi penentu kepada tahap keseriusan masalah *separation anxiety* kanak-kanak. Bukan itu sahaja, partisipan (R2, R4, dan R5) juga menyatakan bahawa ibu bapa harus mempunyai pengetahuan bagi membantu kanak-kanak mengatasi masalah *separation anxiety*. Berdasarkan temu bual bersama dengan R1, beliau menyatakan bahawa;

“...kena buat sesuatu yang positif. Ayat - ayat yang positif dengan dia. Kita kena bercakap dengan anak itu sendiri, Selalu bonding dengan anak. So dari sana dia boleh pupuk nilai - nilai supaya kurang rasa anxiety dengan rasa takut.” (ST8R1T2O1)

R2 juga berpendapat bahawa;

“kita sebagai mak ayah kena ajar anak bagaimana untuk menangani dan terima dengan situasi.” (ST8R2T2O1)

R3 turut berkongsi pandangan yang sama bahawa;

“Sebab itu sebagai ibu bapa kena ada bonding yang kuat supaya anak kita percaya kita untuk dia percaya orang lain.” (ST8R4T2O1)

R5 turut menyatakan bahawa;

“Cakap benda - benda positif kat telinga dia. Walau apa pun jadi bonding kita dengan anak mesti sentiasa jaga supaya dia akan percaya dengan kita”

Pengetahuan ibu bapa juga merupakan salah satu perkara yang harus dititikberatkan bagi membantu kanak-kanak yang menghadapi masalah *separation anxiety* ini. Menurut R2;

“Pertama kita kena belajar dulu. Cari punca kenapa anak tu macamtu. Lepastu tengok balik persekitaran.” (ST8R2T3O1)

R4 juga turut menyatakan bahawa;

“Kita sebagai ibu bapa kena tahu the do's and the don't dia.” (ST8R4T3O1)

Begitu juga dengan R5 yang menyatakan bahawa;

“...kita pun kena sentiasa bercakap dengan dia, bagi dekat dia contoh - contoh yang positif je supaya dia tak rasa terbeban.” (ST9R5T1O1)

Pendekatan Ibu Bapa bagi Mengatasi Masalah *Separation Anxiety* Kanak-kanak

Kesemua partisipan (R1, R2, R3, R4 dan R5) ada menyatakan bahawa teknik kawalan ibu bapa membantu kanak-kanak mengatasi masalah *separation anxiety*. Mereka semua juga turut berpendapat bahawa pendekatan dalam bentuk penghargaan atau peneguhan positif kepada kanak-kanak adalah bagus dalam membantu kanak-kanak yang mengalami masalah *separation anxiety*. Berdasarkan daripada temu bual yang dilakukan, R1 menyatakan bahawa;

“Kita sebagai ibu bapa kena tau cara nak menanganikan anak tu macam mana. Contoh kalau dia buat perangai camni kita dah tau cara nak tolong dia camne.” (ST6R1T1O2)

Perkara yang sama turut dilakukan oleh R3 apabila dia menyatakan bahawa;

“kita kena pandai pujuk, peluk dia ataupun cakap dengan dia. Pujuk dia.” (ST6R3T1O2)

Bukan itu sahaja, R4 turut menyatakan bahawa;

“cakap slow talk dengan dia. Masa tula yang rasa anak kita ni lain macam je kan tapi kita positif jela..cuba tenang kan dia.” (ST6R4T1O2)

R5 turut berpendapat bahawa;

“Kita kena pandai cakap, slow talk dengan dia. Pujuk dia dengan kata - kata yang positif, tak marah - marah sebab budak - budak macamni lagi kita marah lagi teruk jadinya nanti.” (ST6R5T1O2)

Tambahan lagi, antara pendekatan yang digunakan oleh ibu bapa bagi menghargai kanak-kanak adalah dengan memberi pelukan, pujian, ganjaran dan pujukan. Berdasarkan temu bual yang dilakukan R1 menyatakan bahawa;

“Jadi saya dengan isteri memang selalu akan peluk dia dan bawak pusing jalan - jalan tengok dekat luar. Itu selalunya berkesanlah.” (ST9R1T1O2)

Pujian juga turut diberikan kepada kanak-kanak seperti R2 yang menyatakan bahawa;

“...saya rasa kena puji..oh bagus..bagus..kena bagitau apa yang best lah pasal persekitaran tu.” (ST9R2T1O2)

Begitu juga dengan R4 yang menyatakan bahawa;

“penghargaan pertama yang kita bagi tu semestinya dengan pujian. Cakap dia good boy kan.” (ST9R4T1O2)

R5 juga menyatakan bahawa;

“Lagi satu dia ni suka sentuhan so kita akan peluk dia selalu.” (ST9R5T1O2)

Penghargaan berbentuk ganjaran juga boleh diberikan seperti R2 yang memberitahu bahawa;

“kena bagi hadiah kalau kata dia okay sikit dari semalam pun kita bagi sikit.so dia paham benda tu dan cuba untuk perbaiki. They do something good, we give something nice.” (ST9R2T1O2)

Bukan itu sahaja, R3 juga menyatakan bahawa;

“tak boleh menangis, balik nanti mummy belikan aiskrim. So itu adalah ganjaran. Nampak simple, nampak kecil tapi pada anak - anak benda tu dah cukup besar dah.” (ST9R3T1O2).

Di samping itu, R4 juga menyatakan bahawa;

“kadang-kadang kita bagi la..adela janji kita nak ganjaran kan dia...” (ST9R4T1O2)

Begitu juga dengan R5 yang mengatakan bahawa;

“Kalau dia elok (tingkah laku) kita tunaikan apa yang kita dah janji tu kat dia.” (ST9R5T1O2)

Pujukan juga adalah salah satu cara penghargaan yang boleh dilakukan ibu bapa kepada anak-anak supaya mereka tidak berasa takut untuk berjauhan dengan ibu bapa. R3 menyatakan bahawa;

“Saya selalu mengambil pendekatan untuk memujuk.” (ST9R3T1O2)

Begitu juga dengan R4 yang menyatakan bahawa;

“words of encouragement ni..(buat anak) dia rasa bangga, ... Nak jadi budak yang baik. Tak nak buat perangai... Dan lagi satu kita biasalah kan bila kita dah pujuk - pujuk dia lah.” (ST9R4T1O2)

Kesan Separation Anxiety terhadap Kanak -kanak

Antara kesan *separation anxiety* terhadap kanak-kanak adalah kelekatan (*attachment*) yang kuat antara kanak-kanak dengan ibu bapa. Bukan itu sahaja, kanak-kanak yang bersama dengan ibu bapa untuk tempoh masa yang lama, sudah pasti akan memberi kesan kepada persekitaran kanak -kanak itu sendiri. Emosi kanak-kanak juga akan turut terkesan dan terjejas. Kelekatan (*attachment*) yang kuat dengan ibu bapa juga turut memberi kesan kepada kanak-kanak apabila mereka ditinggalkan oleh ibu bapa. R1 menyatakan bahawa;

“Kalau macam tingkah laku separation anxiety anak - anak yang dah biasa dengan mak bapak dia atau too attached la orang kata.” (ST1R1T2O3)

R4 turut menyatakan bahawa;

“seseorang bayi atau kanak-kanak itu dia terlalu attached ..ade emotional attached dengan ibu bapa dia.” (ST1R4T2O3)

Begitu juga dengan R5 yang berpendapat bahawa;

“Anak - anak ni dia terlampau attached sangat dengan ibu bapa sampai mereka tak boleh lepas dari mak ayah.” (ST1R5T2O3)

Kelima-lima partisipan (R1,R2,R3,R4 dan R5) berkongsi pendapat yang sama apabila mereka menyatakan bahawa faktor persekitaran memberi kesan kepada kanak-kanak sehingga mereka mempunyai masalah *separation anxiety*. Berdasarkan daripada temu bual bersama dengan R1, beliau menyatakan bahawa;

“Mungkin dia dah terbiasa kan macam dah sebulan lebih kan. Jadi dia nak kembali kepada persekitaran yang baru tu dia macam dah kena sesuaikan balik lah.” (ST5R1T1O3)

R2 juga ada menyatakan bahawa;

“dekat tadika lama cikgu dia macam ni (pendekatan). Tapi bila dia tukar sekolah B, pendekatan dia lain, jadi itu mungkin buat dia terkejut dan tak selesa dengan persekitaran dia yang lain dari biasanya kan.” (ST5R2T1O3)

Begitu juga dengan R3 yang menyatakan bahawa;

“sebelum ni anak - anak dengan saya kan, bila dah okay sekarang ni mereka nak back to normal balik so macam susah.” (ST5R3T1O3)

Bukan itu sahaja, R4 juga menyatakan bahawa;

“Dia dah selesa dengan satu - satu persekitaran tu di rumah dia, dia tak nak pergi ke tempat lain.” (ST5R4T1O3)

R5 turut berkongsi pendapat yang sama apabila beliau menyatakan bahawa;

“contohnya bila dah duduk berkepit dengan mak ayah 24 jam hari - hari bila satu hari kena ubah gaya hidup mereka. mereka ni dah tentu tak suka kan. New people, new environment.” (ST5R5T1O3)

Beberapa partisipan (R1, R2, dan R5) turut menyatakan bahawa kanak-kanak yang mengalami gangguan emosi disebabkan masalah *separation anxiety* ini akan menjadi murung untuk tempoh masa yang lama. Hal ini dapat dilihat apabila R1 menyatakan bahawa;

“Saya tengok bila terbiasa duduk dengan nenek misalnya, kadang tengok budak tu murung yang terlampau lama.” (ST11R1T1O3)

Kanak-kanak juga akan berasa takut. R1 turut menyatakan bahawa;

“Dia jadi macam takut.” (ST11R1T1O3)

Begitu juga R2 yang mengatakan bahawa;

“dia rasa orang macam tak suka dia..takut..” (ST11R2T1O3)

Bukan itu sahaja, R5 juga menyatakan bahawa;

“Saya rasa based on anak saya sendiri, kesan yang paling ketara dia akan rasa takut.” (ST11R5T1O3)

Terdapat juga kanak-kanak yang akan menangis dengan teruk sekiranya mereka mengalami masalah *separation anxiety*. R1 menyatakan bahawa;

“Anak menangis tak berhenti yang teruk sangat.” (ST11R1T1O3)
Begitu juga dengan R2 yang menyatakan bahawa;

“Dari segi emosi, beri kesan jugak. Asyik nangis je kan. Dia sedih.”(ST11R2T1O3)

R5 juga turut berpendapat bahawa;

“Kawan - kawan ajak main pun tak nak asyik nangis je.” (ST11R5T1O3)

Kanak-kanak yang mengalami masalah *separation anxiety* ini kebanyakannya mempunyai perasaan rendah diri. Menurut R1, beliau menyatakan bahawa;

“Dia jadi rasa rendah diri.” (ST11R1T1O3)

R4 juga berpandangan sama apabila beliau menyatakan bahawa;

“Benda - benda macamni yang akan sebabkan dia rasa rendah diri tu kan.”
(ST11R4T1O3)

R5 turut berkongsi pendapat yang sama apabila beliau mengatakan bahawa;

“Dia akan jadi kurang keyakinan diri dan terlampau bergantung dengan orang lain.” (ST11R5T1O3)

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian didapati ibu bapa ada melakukan persediaan terhadap *separation anxiety* kanak-kanak. Kebanyakan ibu bapa sedar bahawa apabila kanak-kanak terlalu lama bersama mereka maka kanak-kanak akan menunjukkan perubahan tingkahlaku yang berlainan. Kanak-kanak akan sangat lekat dengan ibu bapa sehingga mereka takut untuk berpisah dengan ibu bapa. Menurut Durkin (1995), kelekatan merupakan satu hubungan yang disokong oleh tingkah laku lekat (*attachment behaviour*) yang dirancang untuk memelihara hubungan tersebut. Dalam konteks kajian ini, kanak-kanak telah bersama dengan ibu bapa untuk tempoh masa yang lama dan tidak berjumpa dengan orang lain selain keluarga mereka, terutamanya dalam tempoh PKP. Hal ini menyebabkan mereka tidak bersedia untuk ditinggalkan bersama orang lain kerana mereka mempunyai kelekatan yang kuat dengan ibu bapa.

Oleh itu, dapatan kajian mendapati bahawa pujian yang diberikan kepada kanak-kanak dapat menenangkan perasaan kanak-kanak apabila kanak-kanak berpisah dengan ibu bapa. Khususnya apabila pujian itu diberikan oleh ibu bapa beserta pelukan kepada kanak-kanak. Dapatan kajian juga menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dapat memberi rangsangan yang positif kepada pembangunan sosial dan emosi kanak-kanak. Tingkah laku positif juga akan menyebabkan keyakinan kanak-kanak meningkat untuk menerima individu lain selain ibu bapa mereka sendiri. Tambahan lagi, dapatan temu bual menunjukkan bahawa kesedaran ibu bapa penting bagi menghadapi kanak-kanak yang mengalami *separation anxiety*. Ibu bapa perlu mendapatkan informasi berkaitan dengan

separation anxiety supaya tindakan yang dilakukan dalam menangani *separation anxiety* kanak-kanak bertepatan dan bersesuaian dengan situasi. Selain itu, ibu bapa juga perlu mengetahui cara untuk mengawal kanak-kanak apabila mereka ditinggalkan dalam jagaan orang lain atau menghadiri rutin Taska atau Tadika. Dapatan kajian ini juga menyokong kajian oleh Marchant *et al.* (2001) yang mendapati peneguhan positif yang diberikan oleh ibu bapa kepada kanak-kanak dalam membantu kanak-kanak mengatasi *separation anxiety* mereka.

KESIMPULAN

Kesedaran ibu bapa mengenai *separation anxiety* kanak-kanak adalah penting dalam menangani masalah *separation anxiety*. Ibu bapa dapat mengenal pasti faktor yang menyebabkan kanak-kanak mengalami masalah *separation anxiety* dan kesan terhadap kanak-kanak itu sendiri. Bukan itu sahaja, ibu bapa juga telah membuat persediaan yang baik bagi menghadapi masalah *separation anxiety* kanak-kanak. Antaranya adalah mendalami pengetahuan tentang *separation anxiety*, memberi peneguhan positif, dan mewujudkan kesedaran kepada kanak-kanak untuk menangani dan mengawal *separation anxiety* mereka. Justeru, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menangani *separation anxiety* kanak-kanak.

RUJUKAN

- Ahmad Suhael Adnan, & Ilah Hafiz Aziz. (2020, November 9). MKN bincang isu penutupan tadika, taska esok. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/752200/mkn-bincang-isu-penutupan-tadika-taska-esok>
- Akram Dousti, Jaffar Pouyamanesh, Ghorban Fathi Aghdam, & Asghar Jafari. (2018). The effectiveness of play therapy on reduction of symptoms of insecure attachment and separation anxiety of among preschoolers. *International Journal of Applied Behavioral Sciences*, 5(4), 19-28.
- Bartolome, M. T., Mamat, N., & Masnan, A. H. (2017). Parental involvement in the Philippines: A review of literature. *International Journal of Early Childhood Education and Care*, 6(1), 41-50.
- Durkin, K. (1995). *Developmental social psychology: From infancy to old age*. Blackwell Publishing.
- Fairuz Nordin. (2018, Januari 9). Perkukuh iman, jiwa anak jadi berani. *Berita Harian*.
- Fauziah Hanim Jalal, Fairuz 'Ain Harun, Noraini Ismail & Nazariah Abd Samad. (2014). Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak di Pusat Anak Permata Negara. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 3, 36-41.
<https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/01/372811/perkukuh-iman-jiwa-anak-jadi-berani>
- Institute for Public Health. (2020). *National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019: Non-communicable diseases, healthcare demand, and health literacy-key findings*. Penulis.
- Intan Puspitasari, & Dewi Eko Wati. (2018). Strategi parent-school partnership: Upaya preventif separation anxiety disorder pada anak usia dini. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 50-60.
- Irwan Shah Zainal Abidin. (2020, Julai 28). Penularan semula COVID -19 rencat usaha pulih ekonomi. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/07/715541/penularan-semula-covid-19-rencat-usaha-pulih-ekonomi>
- Jamiat Akadol (2018). Budaya hukum sebagai faktor pendorong di Indonesia. *Udayana Master Law Journal*, 7(1), 12-23.
- Kossowsky, J., Schneider, S., Pfaltz, M. C., Locher, C., Gaab J., & Taeymans, J. (2013). The separation anxiety hypothesis of panic disorder revisited: A meta analysis. *American Journal of Psychiatry*, 17(7), 68-81.
<https://doi.org/10.1176/appi.ajp.2012.12070893>
- Lieb, R., Wittchen, H. U., Hofler, M., Fuetsch, M., Stein, M. B. & Meringkas, K. R. (2000). Parental psychopathology, parenting styles and the risk of social phobia in offspring. *Archives of General Psychiatry*, 57, 859 - 866.

- Low Biam Hong. (2017). Child temperament, child-parent relationship and anxiety among children in childcare centers in urban Selangor, Malaysia. *Master of Science*, 1-14.
- Marchant M., Christensen L., Young K., Merry M., Jill B., & Carolina R. (2001). The Effects of a peer-mediated positive behavior support program on socially appropriate behavior. *Education and Treatment of Children*, 27(3), 199-234.
- Mohamad Albaree Abdul, Hazhari Ismail, Iylia Mohamed, & Zaharah Osman. (2019). Perkembangan emosi kanak-kanak menggunakan kaedah pengajaran berasaskan aktiviti muzik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 8, 17-23.
- Mohamed Farid Noh. (2020, Mac 26). PKP: Persekitaran kediaman sempit, sesak dedah kepada tekanan. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669564/pkp-persekitaran-kediaman-sempit-%20sesak-dedah-kepada-tekanan>
- Mohd Roji Kawi. (2020, April 12). PKP: Pergerakan antara daerah hanya dibenarkan jika alasan munasabah. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/676286/pkp-pergerakan-antara-daerah-hanya-dibenarkan-jika-alasan-munasabah>
- Montalbo, I. C., & Pepito, G. M (2019). Separation anxiety on preschoolers' development. *International Journal of English and Education*, 8(1), 229-239.
- Mustafa Yasin Imrak. (2016). What is separation anxiety disorder? *Bulletin of Clinical Psychopharmacology*, 24(1), 31.
- Nafisa Mustafa Mohamed Ahmed. (2013). *Separation anxiety among muslim children: A comparative case study between ahlami and edu-care* (Unpublished master's thesis). International Islamic University Malaysia.
- Natasha Dandavati, & Stella Tan. (2019). *Bagaimana dengan anak-anak? Hak kanak-kanak yang mengalami keganasan rumah tangga*.
<https://wao.org.my/wp-content/uploads/2019/09/Bagaimana-dengan-Anak-anak-Laporan-WAO.pdf>
- Norulhuda Sarnon, Maisarah Ali, & Ezarina Zakaria. (2017). Amalan persekitaran selamat kanak-kanak dalam kalangan pengasuh di rumah yang tidak berdaftar. *Journal of Social Science and Humanities*, 3, 2-15.
- Pepito, G., & Montalbo, I. C. (2019). Separation anxiety on preschoolers' development. *International Journal of English and Education*, 8(1), 229-239.
- Phang Cheng Kar. (2017, April 13). *Anxiety disorders in children*.
<https://mypositiveparenting.org/2017/04/13/anxiety-disorders-in-children/>
- Rahima Dahlan. (2020, April 2). Peranan ibu bapa terhadap anak semasa PKP. *Astro Awani*.
<https://www.astroawani.com/gaya-hidup/peranan-ibu-bapa-terhadap-anak-semasa-pkp-236366>
- Saeed Ghanbari, Mohammad Karim Khodapanahi, Masood Gholamali Lavasani, M. Ali Mazaheri, & Reyhane Rezapour Faridian. (2018). The effectiveness of attachment-based parent training method on anxiety syndrome in preschool children. *Journal of Behavioral Science*, 12(1), 9-17.
- Sakineh Mofrad, Rohani Abdullah, & Ikechukwu Uba. (2010). Attachment patterns and separation anxiety symptom. *Journal Asian Social Science*, 6(11), 148-153.
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid, & Narimah Samat. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: kajian kes di jajahan Bachok, Kelantan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(2), 11 - 23.
- Stewart, C., & Alison, K. (1973). Interactions between mothers and their young children: Characteristics and consequences. *Monographs of the Society for Research in Child Development*, 38(6), 1-108.
- Syahirah Abdul Syukor. (2016). Tanggungjawab ibu bapa dalam melindungi kanak-kanak menurut undang-undang Malaysia: Satu tinjauan awal. *Malaysia Journal of Syariah and Law*, 3, 1-10.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, & Noranizah Yusof. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Edition*, 155-172.
- Zuhainy Zulkifli. (2020, Jun 19). Masalah mental kanak-kanak Malaysia membimbangkan. *Berita Harian*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/701929/masalah-mental-kanak-kanak-malaysia-membimbangkan>